



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


17 OGOS 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **2,103 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **108,933 kes**. Sebanyak 15 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu tiga (3) kes di Kota Kinabalu, Papar, Tawau dan Putatan masing-masing mencatatkan dua (2) kes manakala Penampang, Keningau, Tuaran, Kunak, Kota Marudu dan Kinabatangan masing-masing mencatatkan satu (1) kes. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 652 menjadikan jumlah kumulatif 90,356 orang. Seramai 5,153 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,219 orang di hospital, 3,888 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 46 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala lapan (8) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 168 orang dan 65 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon merah dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Kes harian di Sabah melepasi angka 2,000 hari ini, iaitu (2,103) kes, peningkatan (+375) berbanding (1,728) kes semalam (16 Ogos 2021).
- b. Kota Kinabalu kekal penyumbang kes terbanyak iaitu (467) kes, tambahan (+106) kes. Tuaran menambah (+51) kes dengan (200) kes baharu, Keningau naik (+96), Tenom naik (+52) dan Ranau menambah (+26) kes baharu. Daerah-daerah yang mencatat kes yang tinggi ialah Tawau (255) kes, Sandakan (208) kes, Penampang (135) kes, Lahad Datu (78) kes dan Kota Belud (71) kes.
- c. Daripada (2,103) kes hari ini, (1,243) kes atau 58.4% merupakan Saringan Kontak Rapat, (532) kes atau 25.3% adalah daripada Saringan Bergejala dan (161) kes atau 7.7% adalah daripada kluster-kluster sedia ada.
- d. Seperti semalam pesakit dalam Kategori 2 merupakan kumpulan terbanyak dengan (969) kes atau 46.1%, Kategori 1, (582) kes atau 27.7%, Kategori 3, sembilan (9) kes, Kategori 4 dan 5 masing-masing mencatatkan tiga (3) kes.
- e. Setakat semalam (16 Ogos 2021), 47.3% penduduk dewasa Sabah telah pun memperolehi satu dos vaksin dan 23.6% melengkapkan kedua-dua dos. Semalam juga JKNS telah memberi (administer) 52,992 dos vaksin.
- f. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (1,243) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	161	7.7%
2	Bergejala	532	25.3%
3	Kontak	1,243	59.1%
4	Bersasar	38	1.8%
5	Lain-lain	129	6.1%
JUMLAH		2,103	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (16 Ogos 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 16/08/2021	Catatan Kes 17/08/2021	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	361	467	+106
2	Keningau	67	163	+96
3	Tenom	9	61	+52
4	Tuaran	149	200	+51
5	Lahad Datu	39	78	+39
6	Papar	26	56	+30
7	Beaufort	9	39	+30
8	Ranau	31	57	+26
9	Kota Marudu	8	27	+19
10	Telupid	32	48	+16
11	Kota Belud	57	71	+14
12	Putatan	28	41	+13
13	Tongod	18	28	+10
14	Pitas	5	10	+5
15	Kunak	12	16	+4
16	Semporna	15	17	+2
17	Tawau	254	255	+1
18	Kudat	5	5	Kekal
19	Sandakan	243	208	-35
20	Beluran	59	24	-35
21	Kinabatangan	71	40	-31
22	Kalabakan	24	8	-16
23	Tambunan	16	4	-12
24	Nabawan	13	10	-3
25	Penampang	138	135	-3
26	Kuala Penyu	3	0	-3
27	Sipitang	36	35	-1
JUMLAH		1,728	2,103	+375

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (03 Ogos - 16 Ogos)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	308	124	7	28	467	4,701
Tawau	0	167	68	4	16	255	2,574
Sandakan	8	104	59	0	37	208	1,585
Tuaran	0	159	26	6	9	200	1,613
Keningau	8	111	37	0	7	163	1,070
Penampang	0	63	69	0	3	135	1,981
Lahad Datu	50	13	14	0	1	78	383
Kota Belud	0	47	22	0	2	71	763
Tenom	49	11	1	0	0	61	286
Ranau	28	28	1	0	0	57	303
Papar	0	32	20	0	4	56	871
Telupid	0	42	6	0	0	48	403
Putatan	0	21	16	1	3	41	477
Kinabatangan	0	27	9	0	4	40	511
Beaufort	0	27	11	0	1	39	589
Sipitang	0	0	15	20	0	35	435
Tongod	18	8	1	0	1	28	277
Kota Marudu	0	20	7	0	0	27	245
Beluran	0	18	3	0	3	24	510
Semporna	0	5	6	0	6	17	103
Kunak	0	9	4	0	3	16	170
Nabawan	0	6	4	0	0	10	89
Pitas	0	5	4	0	1	10	122
Kalabakan	0	7	1	0	0	8	266
Kudat	0	3	2	0	0	5	153
Tambunan	0	2	2	0	0	4	143
Kuala Penyu	0	0	0	0	0	0	86
JUMLAH	161	1,243	532	38	129	2,103	20,709

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Keningau	Kluster Batu 27 Sook	3
	Kluster Kayu Patikang	5
Tenom	Kluster Sibulu	49
Ranau	Kluster Gunsapau	2
	Kluster Simpang Tiga Ranau	15
	Kluster Timbua	11
Sandakan	Kluster Lebu Empat	8
Lahad Datu	Kluster Cenderawasih	7
	Kluster Sawit Baiduri	43
Tongod	Kluster Jalan Corak	18
JUMLAH		161

6 Terdapat **satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Sawit Baiduri - Lahad Datu melibatkan komuniti di Mukim Felda Sahabat, Daerah Lahad Datu. Kes indeks merupakan lelaki, warganegara Indonesia, 47, yang disahkan positif COVID-19 pada 11 Ogos 2021 di Klinik Kesihatan Tungku selepas bergejala sejak 10 Ogos 2021. Turut didapati positif ialah anak kepada kes indeks. Pengesanan secara aktif dan saringan bersasar terhadap 178 orang terdiri daripada ahli keluarga dan kontak rapat kemudiannya mengesan 77 kes positif termasuk 43 kes baharu hari ini. Manakala, 101 individu didapati negatif saringan pertama. Punca jangkitan masih dalam siasatan namun siasatan awal mendapati terdapat majlis perkahwinan pada 06 Ogos 2021 yang disyaki menjadi punca penyebaran wabak. Kes indeks merupakan bapa kepada pengantin tersebut. Semua kes positif COVID-19 dalam kluster ini telah dirujuk ke CAC Lahad Datu dan Hospital Lahad Datu untuk rawatan lanjut dan pengasingan. Kontak-kontak rapat telah diarahkan untuk menjalani kuarantin di pusat kuarantin PPR Sri Sepagaya, Lahad Datu.

7 Jumlah kapasiti katil 6,641 unit

- Hospital 1,229 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,740 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 77.59%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 17 OGOS 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	2,081
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	10
Orang Dalam Tahanan /Banduan	12
Jumlah	2,103

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Negeri Sembilan	4
Selangor	3
Kuala Lumpur	2
Johor	1
Jumlah	10

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	1,781
Bukan Malaysia	322
Jumlah	2,103

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	505
Belum Menerima Vaksin	933
Menerima 1 Dos	428
Lengkap 2 Dos	237
Jumlah	2,103

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	20
1 to 5	163
6 to 17	322
18 to 59	1,453
>60	145
Jumlah	2,103

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 17 Ogos 2021)
1	Tawau	25
2	Kota kinabalu	22
3	Tuaran	12
4	Penampang	5
5	Kota Belud	4
6	Ranau	4
7	Sipitang	4
8	Keningau	3
9	Kota Marudu	3
10	Papar	3
11	Tenom	3
12	Beluran	2
13	Beaufort	2
14	Kinabatangan	2
15	Kudat	2
16	Kunak	2
17	Putatan	2
18	Nabawan	1
19	Tambunan	1
JUMLAH		104

D PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

Bil.	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Dua (2) lokaliti di Kota Belud, Sabah <ul style="list-style-type: none">• Kampung Kuala Abai• Kampung Payas-payas	19 Ogos 2021	1 September 2021

2.	Dua (2) lokaliti di Penampang, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Beverly Hills Fasa 3 • Regency Park 	19 Ogos 2021	1 September 2021
3.	Dua (2) lokaliti di Sipitang, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Iburu • Kampung Meligan 	19 Ogos 2021	1 September 2021
4.	Taman Ria Height, Tawau, Sabah	19 Ogos 2021	1 September 2021
5.	Kompleks Baiduri Ayu, FELDA Sahabat 9, Lahad Datu, Sabah	19 Ogos 2021	1 September 2021
6.	Perumahan Pekerja Ladang Moynod 1, Beluran, Sabah	19 Ogos 2021	1 September 2021

E PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

Bil.	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Pelaksanaan PKPD
1.	Kampung Banjar, Keningau, Sabah	5 Ogos 2021	Ditamatkan pada 18 Ogos 2021 seperti yang dijadualkan
2.	Kem 3 Sibulu, Tenom, Sabah	5 Ogos 2021	Ditamatkan pada 18 Ogos 2021 seperti yang dijadualkan

3.	Penampang Baru, Penampang, Sabah	5 Ogos 2021	Ditamatkan pada 18 Ogos 2021 seperti yang dijadualkan
4.	Depot Tahanan Imigresen Tawau, Sabah	5 Ogos 2021	Ditamatkan pada 18 Ogos 2021 seperti yang dijadualkan

F STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **26,687** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,262,839 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula **25,462** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 602,968 orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 19,764 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 1,435,306 (Mysejahtera 1,352,704: Laman Web 82,279: Talian Vaksinasi 323) bersamaan 52.0%.

G BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **426,682** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

H LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 150 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 31,799 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 285 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 61 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 29 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Tujuh (7) Orang : Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Tiga (3) Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka
 - Satu (1) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
 - 18 Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 80 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 43 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 996 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
 - ii Sebanyak dua (2) notis/amaran telah dikeluarkan di Kinabatangan.

iii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 40 premis perniagaan dan 39 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan susun atur kerusi meja Dine-In di luar premis di Restoran Amin Maju, Plaza Juta, Likas. Empat belas (14) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan tidak memakai pelitup muka / tidak memakai pelitup muka dengan betul di Ruang Legar Ikan Todak, Segama (2 Orang). Kesalahan tiada penjarakan sosial di Jalan Pasar Besar, KK (1 Orang). Kesalahan keluar rumah tanpa tujuan yang dibenarkan di Ruang Legar Ikan Todak, Segama (3 Orang), di Jalan Pasar Besar, KK (1 Orang), di Ruang Legar Pekan Inanam (5 Orang). Kesalahan berniaga yang tidak dibenarkan iaitu menjual nombor judi haram di Jc Wings Enterprise, Pekan Inanam (2 Orang).

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 244 Premis Perniagaan melibatkan 199 anggota APM. Sebanyak empat (4) Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikut SOP.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 161 anggota di 210 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 27 premis, melibatkan 14 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 167 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 12 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 176 hebahan di seluruh Sabah.

I KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.8%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	96%
2	Kota Belud	96%
3	Kota Marudu	96%
4	Sipitang	96%
5	Tuaran	96%
6	Kudat	96%
7	Kunak	96%
8	Beaufort	96%
9	Lahad Datu	96%
10	Tenom	96%
11	Ranau	96%
12	Tawau	95.5%
13	Keningau	95.5%
14	Papar	95.5%
15	Beluran	95.5%
16	Kinabatangan	95%
17	Penampang	95%
18	Kota Kinabalu	95%
19	Sandakan	94%

- 2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MenangBersama

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**